

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 06 FEBRUARI 2014 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Kampus baharu KAYM	Berita Harian
2	IPU Selatan Semenanjung tidak dicemari debu Sinabung	Berita Harian
3	Cold spell hits Pasir Mas as temperature drops to 17°C	The Star
4	Scorching days – cool nights	The Star
5	Volcanic ash affecting several areas in Malaysia	The Star
6	Rising from Sinabung's ashes	The Malay Mail
7	Malaysia not affected by Sumatra volcano ash	The Malay Mail
8	JAS sahkan tiada kesan ketara	Sinar Harian
9	Angin kencang dan laut bergelora di Sabah pada Jumaaat dan Sabtu	Bernamea.com

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (BERITA IPT VARSITI): MUKA SURAT V3
TARIKH: 06 FEBRUARI 2014 (KHAMIS)

Kampus baharu KAYM

Kuala Selangor: Kewujudan cawangan Kolej Antarabangsa Yayasan Melaka (KAYM) di sini bakal memberi lebih banyak peluang kepada golongan muda dan penduduk setempat untuk melanjutkan pengajian dan meningkatkan taraf ekonomi.

Ketua Eksekutif KAYM, Datuk Saroni Judi, berkata antara bidang pengajian yang boleh diceburi ialah peruncitan dan pelancongan selain pelbagai latihan kemahiran.

"Dengan adanya KAYM di Kuala Selangor, kolej ini dapat memberi peluang golongan muda memiliki

kemahiran dalam pelbagai bidang sejajar peredaran masa. Peluang seumpama ini perlu direbut bagi melonjakkan kemahiran diri dan masa depan mereka," katanya ketika ditemui dalam Majlis Pelancaran Cybercentre serta Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Goldpage Assest Sdn Bhd (Goldpage Assest) dan KAYM baru-baru ini.

Peluang pendidikan

Pembangunan dilaksanakan Goldpage Assets membabitkan tanah seluas 130 hektar di Pasir Penambang dengan nilai pemba-



Model bangunan KAYM cawangan Kuala Selangor.

ngunan kasar RM15 bilion.

Projek yang dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh 15 tahun itu bakal menjadikan Kuala Selangor bandar berteknologi tinggi termasuk penubuhan

pusat siber bertaraf Koridor Raya Multimedia.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr Ewon Ebin berkata, projek pembangunan itu mampu menarik ramai pelabur ke bandar itu sekali gus menyumbang kepada peningkatan ekonomi di Kuala Selangor.

"Kewujudan KAYM sebagai sebahagian pelan pembangunan bakal membuka peluang pendidikan kepada masyarakat di sekitar Kuala Selangor," katanya ketika berucap merasmikan majlis itu.

Turut hadir ialah Pengarah Eksekutif Goldpage Assets, Tengku Hishammuddin Zaini serta Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Goldpage Assets, Datuk Teh Hock Seong.



Saroni (dua dari kanan) dan Teh bertukar dokumen MoU disaksikan Ewon Ebin (tengah).

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 19
TARIKH: 06 FEBRUARI 2014 (KHAMIS)

IPU Selatan Semenanjung tidak dicemari debu Sinabung

Kuala Lumpur: Kualiti udara khususnya di Selatan Semenanjung tidak menunjukkan tanda pencemaran habuk halus dan bahan pencemar sulfur dioksida (SO₂) berpunca daripada debu letusan gunung berapi Sinabung, Sumatera Utara.

Pengarah Bahagian Perubahan Cuaca, Jabatan Meteorologi, Azhar Ishak, berkata penduduk di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor Selatan yang sebelum ini dijangka menerima kesan pencemaran itu, tidak perlu khuatir kerana arah aliran angin menunjukkan ia menghala Selat Melaka.

Katanya, laporan awal yang dikeluarkan pada Isnin lalu hanya berpandukan model jangkaan iaitu andainya letusan gunung Sinabung berlaku kelmarin.

Tiada letusan pada 4 Februari

“Bagaimanapun, tiada letusan dilaporkan pada 4 Februari (kelmarin). Jadi, ia tidak lagi signifikan. Berdasarkan model terkini, arah angin beralih ke Selat Melaka dan tidak melintasi kawasan kita.

“Kita minta penduduk tidak bimbang kerana ia tidak memberi kesan terutama di kawasan yang dijangka terjejas,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Laporan awal Jabatan Meteorologi Isnin lalu meramalkan ada pergerakan angin barat laut dari lokasi kejadian yang berkemungkinan membawa bersama debu gunung berapi ke Selatan Semenanjung.

Bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) yang dikeluarkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) sehingga jam 11 pagi kelmarin, merekodkan 38 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik, manakala sebanyak 14 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana.

Bagaimanapun, tiada kawasan yang mengalami bacaan IPU tidak sihat.

Ditanya cuaca yang dilaporkan berjeribu sejak kebelakangan ini, Azhar berkata faktor itu disebabkan cuaca kering akibat Monsun Barat Daya.

Katanya, pemerhatian mendapati lebih 20 hari tiada hujan di negara ini kesan daripada cuaca kering berpanjangan.

“Apabila cuaca kering, biasanya awan juga berkurangan dan cuaca panas boleh mencecah 35 darjah Celsius. Pada sebelah malam, sesetengah tempat seperti di Chuping, Perlis boleh mengalami keadaan dingin sehingga 18 darjah Celsius,” katanya.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 12
TARIKH: 06 JANUARI 2014 (KHAMIS)

Cold spell hits Pasir Mas as temperature drops to 17°C

KOTA BARU: Residents in Pasir Mas and here are experiencing colder weather now.

A random check by *The Star* in Pasir Mas district on Tuesday showed morning session school pupils coming with sweaters to classes.

"It is very cold in the morning and it would last for hours and that is why I brought sweaters to school. Before this, I only felt cooler during

the monsoon season," said Nurul Masturina Husna Mohamad, a year six pupil of SMK Tendong.

Resident Razali Che Kob, 38, said the temperature in the area had dipped to 17°C yesterday morning.

"I felt cold in the morning and thought I was catching a cold. But, when my neighbours said the same thing, I realised the temperature had dropped.

The school children also said the same thing," he added.

Several people were seen donning sweaters in the town although it was already 9.30am.

In Pengkalan Chepa, several students also spoke about the chilly mornings over the few past days, with many of them seen wearing sweaters to school.

The Meteorological Services

Department portal reported last month that the temperature in Kuala Krai was 17.2°C, the second lowest after Cameron Highlands in Pahang which recorded 12°C.

The thermometer in Kuala Krai yesterday showed a minimum of 19.1°C and a maximum of 29.2°C. In Kota Bharu, it was at 21°C minimum and 27.9°C maximum.

The cold weather phenomenon

was due to a surge of cold air from mainland China moving southwards to the South China Sea, a phenomenon usually associated with the North-Eastern monsoon.

The Star had earlier reported about the colder weather, which scientists say are caused by global climate change and a reported drop in activity on the surface of the sun, called the "sleeping sun" phenomenon.

